

KITA TIDAK BERDIAM DI

PERJUMPAAN ini menzahirkan kepada dunia bahawa lebih daripada setengah bahkan dua pertiga daripada ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Senat dan Dewan Undangan Negeri mempunyai kepercayaan penuh kepada kerajaan di peringkat pusat dan negeri.

Tindakan ini penting kerana sesebuah negara itu memerlukan kepada kerajaan yang kukuh dan kuat untuk menentukan sama ada negara itu stabil di segi politik atau tidak.

Kestabilan politik menjadi penting kerana sesebuah negara itu tidak akan mendapat kepercayaan dunia jika ianya tidak stabil. Pendek kata, pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada kestabilan politik. Kita bersyukur kerana setelah 31 tahun merdeka, tidak ada ketika kestabilan politik ini diancam sehingga negara lain tidak lagi mempercayai negara ini.

Memang benar pada 1969 berlaku satu peristiwa yang memburukkan imej negara tetapi umumnya negara kita mempunyai kerajaan pusat dan negeri yang kukuh dan kuat. Negara kita menjadi begitu stabil sehingga ini meyakinkan orang asing, terutama pelabur asing di sini.

Pelaburan ini penting bagi pembangunan negara kita bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat di negara kita. Sebab itu, kita khuatir kalau ada apa-apa kegiatan ataupun peristiwa yang menggugat kestabilan politik dalam negara kita. Di tengah-tengah kumpulan parti politik yang menjamin kestabilan negara kita ialah Umno, parti yang terbesar di negara kita.

Perasaan marah

Kestabilan Umno amat penting bagi keutuhan BN. Umno adalah sebuah parti yang stabil sehingga ianya dapat memimpin kerajaan bersama rakan-rakannya dengan berkesan.

Saya yakin bahawa rakyat di negara kita ini menganggap kestabilan Umno sebagai kestabilan yang penting. Di sini apabila saya sebut rakyat ia tidak semata-mata orang Melayu ataupun ahli-ahli Umno sahaja tetapi rakyat pelbagai kaum kerana mereka sedar betapa penting Umno menjadi sebuah parti kukuh, kuat dan stabil. Umno berjaya menentukan kestabilan ini. Ia berjaya menentukan kestabilan ini kerana ia mempunyai tradisi politik tertentu.

Cara-cara demokrasi diamalkan Umno sudah ditentukan oleh pengasas-pengasas Umno. Selagi Umno berpegang kepada tradisi ini, maka Umno tetap kukuh. Sejak 1981, saya berkali-kali menekankan akan pentingnya berpegang kepada tradisi, malangnya pendapat saya kadangkala ditolak.

Sebaliknya, keinginan untuk menguasai sesuatu oleh beberapa orang dan untuk merebut jawatan tertentu, mereka telah berpecah, meninggalkan dan membelakangkan tradisi kononnya kerana demokrasi.

Sebenarnya, demokrasi tidak menjadi bukan demokrasi semata-mata kerana kita mengamalkan cara-cara tradisional. Kita masih menjadi sebuah parti yang demokratik walaupun kita mempunyai tradisi tertentu. Tetapi ada pihak yang ingin membelakangkan tradisi kononnya atas prinsip demokrasi. Inilah yang telah berlaku dalam Umno sehingga membawa kepada anggapan bahawa Umno sudah lemah.

Pemilihan pemimpin telah diadakan pada 24 April tahun lalu dan saya masih ingat bahawa di waktu itu saya menekankan akan pentingnya kita tidak bertanding jawatan tertentu. Tetapi pendapat saya ini ditolak sebagai usaha yang mempunyai kepentingan diri sendiri.

Ketika itu saya berkata, kalau diadakan pertandingan, sudah tentu akan berlaku berma-

P. Dr. Mahathir

SEDUTAN UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD, DI MAJLIS MELAFAZ TAAT SE-AHLI DEWAN NEGARA, DEWAN RAKYAT DAN DEWAN DANGAN NEGERI DI DEWAN BANKUASI DI BANGUN PARLIMEN.

16 FEB 1988

cam-macam perkara kepada Umno yang tidak baik. Saya telah menegaskan bahawa pepecahan akan berlaku, perasaan marah antara satu sama lain dalam parti akan berlaku. Tetapi pendapat saya ini diketepikan dan pertandingan diadakan.

Keputusan telah dicapai dan kalau kita benar-benar berpegang kepada demokrasi maka sepatutnya kita menerima keputusan itu. Seterusnya, kita rapatkan semula barisan kita dalam Umno kerana kita adalah parti yang mempunyai tanggungjawab besar dalam negara.

Kita tidak nafikan bahawa negara kita ini mempunyai banyak masalah terutama masalah ekonomi di zaman kemelesetan. Kerajaan ingin menumpukan perhatian kepada pemulihan ekonomi di dalam negara kita.

Malangnya, usaha kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan, mewujudkan suasana baik bagi pelaburan asing, menentukan perkembangan ekonomi dalam negara kita diganggu gugat oleh usaha membatalkan keputusan yang dibuat oleh ahli Umno di perhimpunan 24 April lalu.

Kita tidak dapat tumpukan perhatian kita, tenaga dan masa untuk membangunkan negara kerana ada duri dalam daging yang tidak menyang dalam pemilihan ini membawa kes ke mahkamah dengan tujuan membatalkan keputusan yang telah dibuat. Orang yang kononnya percaya kepada demokrasi, tidak mahu menerima keputusan secara demokrasi.

Amat kecewa

Kita telah cuba mencari penyelesaian di luar mahkamah kerana kita tahu mahkamah ialah tempat di mana undang-undang diutamakan. Soal sentimen, emosi, sayang kepada parti, soal negara tidak mempunyai tempat dalam mahkamah. Mereka hanya membuat keputusan berasaskan undang-undang.

Kita telah berusaha untuk menyelesaikan masalah ini di luar mahkamah tetapi malangnya tuntutan yang dibuat tidak munasabah. Oleh itu kita tidak dapat menyelesaikan masalah itu dan akhirnya perkara itu diselesaikan oleh mahkamah mengikut undang-undang yang digubal dalam tahun 1966.

Pada tahun yang mana penggubal undang-undang ini tidak boleh memikir bahawa kes seperti ini akan membatalkan Umno. Mereka yang menggubalkan undang-undang ini tidak boleh menerima bahawa ahli Umno akan cuba menghancurkan Umno.

Sebab itu mereka percaya bahawa undang-undang itu tidak akan mempunyai kesan yang buruk terhadap kerajaan. Tetapi dunia sudah berubah sekarang ini, sudah ada orang yang masuk parti bukan kerana ingin berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara seperti yang kita nyanyikan tadi.

Mereka masuk dalam parti untuk kepentingan diri. Kalau kepentingan ini dihalang, maka penghalang itu mesti dimusnahkan. Kalau Umno menjadi parti penghalang, maka

Umno juga perlu dimusnahkan. Inilah pendirian mereka. Akhirnya Umno yang mempunyai 1.4 juta ahli, 8,000 cawangan, 130 bahagian, diharapkan kerana tindakan orang ini dan dalang-dalang di belakang mereka.

Saya berasa amat kecewa bukan kerana saya memegang jawatan ini. Saya kecewa kerana kesannya terhadap negara kita. Ia memberikan gambaran bahawa kerajaan negara kita ini lemah, sebab itu perhimpunan ini pada petang ini menjadi begitu penting.

Kita tidak dapat membatalkan keputusan mahkamah tetapi kita dapat membuktikan kepada dunia bahawa kita adalah kerajaan yang kukuh dan kuat yang boleh memerintah negara. Ada sesetengah yang cuba memperkecilkan kehadiran tuan dan puan pada petang ini dan cuba berkata bahawa tuan dan puan hadir kerana terpaksa. Saya nak tanya sama ada tuan puan dipaksa? Kita tidak memaksa sesiapa.

Kalau parti lawan hendak kata kerajaan yang ada hari ini sudah tidak dapat sokongan majoriti, mereka dapat lihat siapa yang hadir pada petang ini.

Saya ingin menyatakan bahawa kita tidak berdiam diri dalam Umno. Hanya yang kita tidak buat, bak kata orang Kedah, tak pukul cangang saja. Kita tidak pergi ke merata pelosok negara menggoncang loceng dan menyatakan kami sedang membuat sesuatu. Itu bukan caranya.

Dan kita tahu, kita tidak boleh berbuat demikian kerana pihak yang ingin memusnahkan Umno cuma menunggu giliran sahaja. Kalau jadi sesuatu, maka mereka akan mengambil tindakan untuk menghalang Umno ini diwujudkan semula. Kita tahu ini adalah hasrat mereka. Tindakan mereka tidak akan selesai kalau pun kita dapat mengatasi masalah pengharaman Umno ini.

Apakah erti perjuangan ini, sehingga kita sampai ke tahap yang kita tidak pegang kepada ikrar kita yang disaksikan oleh Tuhan. Saya berasa amat dukacita, kerana moral sesetengah daripada kita sudah hilang sama sekali.

Cawangan dan bahagian Umno mesti berjaga-jaga. Mereka akan datang dengan bermacam cara. Dan mereka akan cuba menyeret orang-orang Umno supaya berpaling tadah. Oleh itu, berhati-hatilah. Berhati-hati kerana kita adalah orang bertanggungjawab, kita ingin berkhidmat untuk kepentingan negara kita, bukan untuk jawatan yang kita pegang. Saya berharap bahawa dengan peristiwa ini, kita akan sedar betapa pentingnya kejujuran di kalangan kita.

Insyaa-Allah, kita akan dapat menyelesaikan masalah ini, termasuklah tindakan yang perlu diambil di Dewan. Undang-undang Tuhan kita tidak boleh ubah tetapi tidak ada undang-undang manusia yang tidak boleh diubah.

Oleh itu, saya ingin memberi jaminan bahawa segala-galanya akan diusahakan oleh kerajaan sekarang untuk menentukan masalah ini diselesaikan dengan apa cara sekalipun.